



## KENYATAAN AKHBAR

---

**KURSUS PENGURUSAN BUAYA:  
LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENANGANI ANCAMAN BUAYA LIAR DI BRUNEI  
13 - 14 FEBRUARI 2019  
Bilik Teater Nur Huda, Kompleks Perikanan Muara  
Jabatan Perikanan**

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Bahagian Hidupan Liar telah mengungkuayahkan "Program Kursus Pengurusan Buaya: Langkah-Langkah Untuk Menangani Ancaman Buaya Liar Di Brunei" selama 2 hari bermula dari 13 hingga 14 Februari 2019. Kursus ini dihadiri kira-kira 40 orang peserta, terdiri dari pegawai dan kakitangan dari Jabatan Perhutanan dan Bahagian Hidupan Liar, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri yang mana agensi-agensi berkenaan adalah selaku Pasukan Bertindak menangani isu-isu pencerobohan buaya di Negara Brunei Darussalam. Beberapa agensi kerajaan lain yang berkepentingan juga telah dijemput sama-sama hadir mengikuti kursus tersebut.

Kursus ini adalah sebagai langkah Bahagian Hidupan Liar khususnya melalui Pasukan Bertindak dalam menangani isu ancaman buaya di Negara Brunei Darussalam. Untuk itu, dua orang pakar dari Republik Filipina telah pun dijemput untuk mengendalikan kursus tersebut. Pakar-pakar tersebut adalah dari Crocodile Research and Conservation, Crocodylus Porosus Philippines, Inc. iaitu sebuah badan NGO.

Kursus akan menumpukan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan kesedaran mengenai buaya; konflik antara buaya-manusia; isu-isu berkaitan perundangan dan akta; teknik dan kaedah penangkapan buaya; dan termasuk peralatan-peralatan yang berkesan bagi menangkap buaya mengambilkira aspek keselamatan semasa operasi. Peserta-peserta kursus juga diberikan penerangan dan latihan amali, serta mengadakan lawatan ke tempat-tempat yang dikenalpasti terdapat buaya liar berkeliaran. Dalam lawatan tersebut, peserta-peserta diberikan tunjuk ajar mengenai tatacara menangkap dan penggunaan serta pemasangan umpan yang lebih efektif dan berkesan. Sesi taklimat dan latihan ini diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan keupayaan para peserta khususnya agensi-agensi Pasukan Bertindak menangani isu-isu pencerobohan buaya dalam membuat pemantauan dan cara-cara menangani isu ancaman buaya.

Dengan adanya kursus ini, adalah diharapkan para peserta kursus ini nanti akan dapat meningkatkan pengetahuan dan keupayaan mereka dalam pengurusan dan teknik-teknik



cara menangkap buaya serta mengujudkan lagi koordinasi serta kerjasama Pasukan Bertindak dalam menangani isu ancaman buaya di Negara Brunei Darussalam

Kursus yang dianjurkan ini merupakan kali pertama melibatkan pakar dari luar negara, ianya juga diharapkan akan dapat membantu mencapai objektifnya untuk mengurangkan ancaman buaya liar dengan memberikan maklumat yang lebih jelas dan meluas kepada orang ramai mengenai dengan cara menangani buaya liar.

Kursus ini telah dibuka rasmi oleh Abdul Halidi Mohd Salleh, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

**Dikeluarkan Oleh:**  
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**  
**Tarikh: 08 Jamadilakhir 1440/13 Februari 2019**